

Pelajaran 5

Diciptakan Seperti Rupa Tuhan

**Objektif: Untuk Mempelajari
Bagaimana Tuhan Menjadikan
Manusia Sangat Istimewa Dan
Bagaimana Dia Menjaga
Mereka**

Rujukan Alkitab: Kejadian 2



Dicipta Seperti Rupa Tuhan

Manusia Adalah Istimewa bagi Tuhan

Hari ini, kita akan mempelajari mengapa manusia sangat istimewa bagi Tuhan

Tuhan menciptakan manusia dengan berlainan

- Dia menciptakan tumbuh-tumbuhan
 - Dia menciptakan binatang-binatang
 - Tuhan menciptakan manusia dengan lebih istimewa
 - Tuhan menjadikan manusia untuk hidup dekat dengan-Nya
-
- **Mari pelajari program E-Pembelajaran sekarang dan lihat bagaimana Tuhan menjadikan manusia dengan cara yang penuh kasih dan istimewa**



Panduan Kita Untuk Kehidupan

Cerita-cerita Alkitab Kejadian untuk Pra-Sekolah - 2025

Persembahan Pristine World

Cerita-cerita Alkitab Kejadian
untuk Pra-Sekolah

- Bab 1: Penciptaan Dunia
- Bab 2: Taman Eden
- Bab 3: Hari Sedih di Taman yang Indah
- Bab 4: Kain dan Habel

Hakcipta © 2025 Pristine World Sdn Bhd Kunjungi kami di www.pristine-world.com Untuk pertanyaan emel kami di pristineworld@gmail.com

Mari menonton
Modul
E-Pembelajaran

- Tumpukan Perhatian
- Kita akan mengadakan kuiz pada akhirnya

Mulakan
Sekarang
Bab 2: Taman Eden



<https://www.pristine-world.com/elearningpw/Pra-Sekolah/START.html>

Apakah Yang Kita Lihat?

Tuhan Menciptakan Manusia

- Tuhan menciptakan Adam
- Tuhan menciptakan Hawa
- Dia memberikan mereka sebuah rumah yang cantik
- Adam dan Hawa mempunyai sebuah hubungan yang indah di antara satu sama lain dan dengan Tuhan

Perbincangan: Bagaimanakah Tuhan menunjukkan Dia mengasihi Adam dan Hawa?



Manusia Diciptakan Seperti Rupa Tuhan

Apakah Maknanya?

- Tuhan menghembuskan nafas kepada Adam
- Tuhan menciptakan Hawa daripada rusuk Adam
- Tuhan menciptakan kita untuk mengasihi
- Tuhan menciptakan kita untuk berfikir – Adam menamakan binatang-binatang
- Adam mempunyai sebuah tugas untuk dilakukan – untuk menjaga ciptaan-Nya

Perbincangan: Kita tidak diciptakan untuk kelihatan serupa dengan Tuhan. Kita diciptakan untuk mempunyai beberapa ciri-ciri Tuhan. Apakah ciri-ciri tersebut?



Apakah Maknanya Bagi Saya?

Saya Istimewa Kepada Tuhan

- Tuhan menciptakan saya
- Tuhan mengasihi saya
- Tuhan mahu saya berbicara dan berkongsi dengan-Nya

Perbincangan: Tuhan mahu mempunyai satu hubungan dengan saya. Bagaimana kita boleh melakukannya?

Maka Allah menciptakan manusia menurut gambaran-Nya. Menurut gambaran Allah, Dia mencipta mereka, lelaki dan perempuan. (Kejadian 1:27 AVB)



Kuiz

1. Siapakah yang menciptakan Adam?

A. Binatang

B. Malaikat

C. Tuhan

D. Adam menciptakan dirinya sendiri



Kuiz

2. Apakah yang Tuhan gunakan untuk mencipta Adam?

- A. Air**
- B. Batu**
- C. Debu tanah**
- D. Api**



Kuiz

3. Apakah nama taman yang istimewa itu?

- A. Taman Bunga**
- B. Taman Hijau Gergasi**
- C. Taman Eden**
- D. Syurga**



Kuiz

4. Apakah tugas yang Tuhan berikan kepada Adam?

- A. Membina rumah**
- B. Menamakan binatang**
- C. Mengira bintang**
- D. Menanam pokok**



Kuiz

5. Siapakah yang Tuhan ciptakan supaya Adam tidak bersendirian?

- A. Binatang yang lain**
- B. Hawa**
- C. Seekor burung**
- D. Sepohon pokok**



Kuiz

6. Mengapakah manusia istimewa?

- A. Kerana kita kuat**
- B. Kerana kita pantas**
- C. Kerana Tuhan menciptakan kita**
- D. Kerana kita tinggi**



Doa Penutup



Terima kasih, Tuhan

**“Terima kasih Tuhan kerana menjadikan saya.
Terima kasih kerana mengasihi saya.
Terima kasih untuk baju, untuk tempat tinggal
dan untuk makanan.
Tolonglah saya mengasihi-Mu dan orang lain.
Amin.”**

